

13/10/2002

Kaedah interaksi naik pangkat

Magendran Rajagopal

PUTRAJAYA: Kerajaan wajar mempertimbangkan supaya satu segmen khusus diwujudkan bagi menentukan kenaikan pangkat kakitangan awam dibuat berdasarkan keberkesanan peranannya dalam pembangunan atau kemajuan sesuatu kawasan, sekali gus mengubah masa depan penduduknya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, berkata bagi mencapai matlamat itu, kesinambungan mutu perkhidmatan seperti termaktub dalam piagam pelanggan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang wujud sejak 1993 bukan saja perlu mantap tetapi harus bermanfaat pada rakyat selaku pelanggan.

"Konsep mendampingi rakyat, terutama di kampung, kampung baru dan kawasan ladang ini sudah kita amalkan sejak zaman kepimpinan bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak lagi tetapi kini nampaknya hubungan antara mereka dan pegawai perkhidmatan awam semakin renggang.

"Kakitangan awam perlu meningkatkan interaksi dan lebih prihatin bagi mengetahui serta memenuhi keperluan semasa masyarakat setempat supaya mereka tidak hilang keyakinan dan kepercayaan terhadap kerajaan atau perkhidmatan awam itu sendiri.

"Pendekatan ini dapat menyemarakkan lagi semangat kakitangan awam untuk kerap turun padang mendampingi masyarakat luar bandar bagi memastikan hubungan lebih akrab antara rakyat dan kerajaan," katanya ketika menyampaikan ceramah pada Majlis Hari Kualiti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bertajuk Perkhidmatan Awam Sepanjang 45 Tahun-Cabaran dan Arah Tuju.

Katanya, sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kakitangan awam berwisata dan guru yang handal wajar ditugaskan ke luar bandar supaya dasar kerajaan untuk manfaat penduduk turut dirasai masyarakat di perkampungan, kawasan ladang dan kampung baru.

Sehubungan itu, beliau turut mencadangkan kepada pegawai perkhidmatan awam di luar bandar, umpamanya Pegawai Daerah, supaya mengurangkan masa bermesyuarat di ibu negeri dan lebih kerap meninjau kawasan di bawah tanggungjawabnya bagi mengenal pasti dan menyelesaikan masalah rakyat.

Pada masa yang sama, Rais juga mencadangkan supaya Anugerah Perdana Menteri dan Anugerah Ketua Setiausaha Negara kepada kakitangan awam yang cemerlang lebih menitikberatkan pencapaian luar biasa dan bukan setakat melaksanakan sesuatu tugas yang diamanahkan saja.

Berdasarkan pengalamannya sendiri, beliau berkata ada Pegawai daerah yang tidak menemui penduduk di daerah masing-masing selama lebih enam bulan atau kadang-kadang setahun sehingga mereka hilang keyakinan terhadap perkhidmatan awam dan kerajaan.

Pemimpin politik, sama ada yang menjadi anggota pentadbiran mengikut Perkara 38 Perlembagaan Negara atau pun wakil rakyat biasa, harus mempunyai hubungan rapat dan mesra dengan perkhidmatan awam supaya tidak wujud pergeseran yang menjejaskan pentadbiran kerajaan.

Rais menjelaskan, gandingan kedua-dua pihak perlu bekerjasama jika hasrat membangunkan negara dan berkhidmat kepada masyarakat dapat menjadi kenyataan bagi mencapai wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir mengubah Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020.

Beliau juga mengingatkan kira-kira 880,000 kakitangan awam sedia ada supaya berkhidmat secara saksama tanpa mengira kerajaan mana berkuasa kerana tugas mereka menjadi asas kesejahteraan dan keamanan negara selain menentukan sama ada rakyat mempunyai masa depan yang cerah.

Rais juga memaklumkan bahawa kekurangan kaum lain dalam perkhidmatan

awam juga perlu diimbangi jika mahu menyaksikan kerancakan daya saing dalam sektor berkenaan yang buat masa sekarang majoritinya orang Melayu dan semangat bersaing agak kurang.